

FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ) BAGI ARAHAN PENGGUNAAN BORANG PEMERIKSAAN PERUBATAN BAHARU (JPJL8A)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Adakah pemeriksaan kesihatan ini hanya boleh dibuat di klinik kerajaan sahaja atau boleh di buat di klinik swasta?	Pemeriksaan kesihatan boleh dibuat di semua fasiliti kesihatan kerajaan dan klinik swasta yang berdaftar dengan Kerajaan.
2.	Adakah boleh menggunakan borang pemeriksaan yang telah dicop doktor selepas 1 Oktober 2019?	Arahan Jabatan 5.1(ii) - Walau bagaimanapun, sebagai tempoh peralihan borang pemeriksaan kesihatan (JPJL8 – LAMPIRAN B) dan (JPJL8A – LAMPIRAN C) yang lama dan telah mendapat pengesahan pegawai perubatan kerajaan/ pengamal perubatan berdaftar sehingga tarikh 30 SEPTEMBER 2019 boleh diterima sebagai dokumen rasmi untuk urusan permohonan/ pembaharuan Lesen Vokasional sehingga 31 OKTOBER 2019 .
3.	Adakah penggunaan borang JPJL8A yang baru ini untuk pembaharuan lesen sahaja?	Arahan Jabatan 4.1 (ii) - Keperluan dokumen borang pemeriksaan kesihatan (JPJL8A – LAMPIRAN A) adalah bertujuan untuk transaksi perkhidmatan berikut:

		<ul style="list-style-type: none"> a. Prosedur permohonan baharu Lesen Vokasional; b. Prosedur pembaharuan Lesen Vokasional; c. Prosedur tambah kelas Lesen Vokasional; dan d. Prosedur permohonan rayuan lesen memandu tamat tempoh Lesen Vokasional.
4.	Adakah pemegang lesen vokasional yang belum sampai tarikh pembaharuan lesen perlu buat pemeriksaan semula menggunakan borang baru ini?	Pemegang lesen vokasional perlu membuat pemeriksaan kesihatan menggunakan borang JPJL8A yang baru semasa permohonan pembaharuan lesen.
5.	Mengapa kadar pemeriksaan kesihatan mencecah RM80?	Kadar maksima yang dipersetujui bersama Malaysian Medical Association (MMA) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ini dibuat setelah mengambil kira skop kerja pemeriksaan yang telah ditentukan.
6.	Adakah RM80 termasuk ujian darah Hb1ac dan kencing manis/perlu tambahan RM25 untuk dua pemeriksaan itu?	RM80 adalah merangkumi semua pemeriksaan yang digariskan dalam borang JPJL8A. (KIV)
7.	Adakah boleh sekiranya salah satu pemeriksaan didalam borang tidak dibuat?	Tiada pengecualiaan kecuali elemen H iaitu hanya terpakai kepada pesakit Diabetes Mellitus sahaja.

8.	Berapa lama tempoh sah borang JPJL8A yang telah disahkan oleh doktor?	Tempoh sah laku borang pemeriksaan yang telah disahkan oleh doktor adalah satu (1) tahun
9.	Perluakah pemandu membawa rekod pemeriksaan Hb1ac semasa membuat pemeriksaan untuk pembaharuan lesen ?	Ya, pemandu perlu membawa rekod kesihatan HB1ac bersama sekiranya ada.
10.	Sekiranya doktor menanda diruangan TIDAK LAYAK UNTUK MEMOHON LESEN VOKASIONAL, adakah saya boleh renew lesen?	TIDAK BOLEH kerana pihak JPJ akan berpandukan laporan kesihatan yang dibuat oleh doktor.
11.	Kadar bayaran maksima RM80, kadar bayaran minima berapa?	Tiada kadar minima yang ditetapkan.
12.	Apakah yang dimaksudkan dengan ujian makmal pada bahagian H di dalam borang JPJL8A	Untuk pesakit diabetes mellitus perlu menjalani ujian HB1ac.
13.	Semasa hendak membuat pembaharuan lesen vokasional di JPJ, perluakah saya membawa semua laporan JPJL8A ?	Hanya Bahagian I dan J sahaja perlu dikemukakan semasa proses permohonan/ pembaharuan lesen vokasional.
14.	Adakah pemohon OKU perlu menggunakan borang JPJL8A yang sama?	Pemohon OKU yang memegang lesen D/ DA layak untuk memohon lesen PSV (teksi/ e-hailing) sahaja dengan menggunakan borang yang sama.

15.	Perluakah calon pekak menggunakan <i>hearing aid</i> semasa pemeriksaan?	Hearing aid adalah berdasarkan syor pegawai perubatan yang memeriksa.
16.	Adakah ujian Hb1ac wajib dilakukan?	Ujian Hb1ac hanya perlu dilakukan kepada semua pesakit diabetes mellitus sahaja dan boleh menggunakan keputusan pemeriksaan perubatan berkala oleh pesakit.